



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

PROGRAM KEMBARA SKUAD WAJA TIMBUL KESEDARAN HENTIKAN KEGANASAN TERHADAP WANITA

Kota Kinabalu, 13 Jun – YB Dato’ Hajah Siti Zailah Binti Mohd Yusoff, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini merasmikan program *Training of Trainers (TOT) Skuad Waja* bagi Kawasan Tulid sebagai salah satu pengisian sepanjang program Kembara Skuad Waja yang bermula 12 hingga 13 Jun 2022 bagi Negeri Sabah. Skuad Waja (Wanita Anti Jenayah) adalah program sukarelawan di bawah seliaan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) yang berperanan sebagai mata dan telinga Kerajaan dalam masyarakat diperingkat komuniti terutamanya bagi membantu golongan yang memerlukan termasuk mangsa keganasan. Skuad Waja memainkan peranan untuk memperkasa komuniti melalui perkhidmatan bantuan Psikososial dan aktiviti-aktiviti bimbingan bagi meningkatkan kesedaran tentang isu-isu jenayah, manipulasi, eksploitasi dan sebagainya. **Di Sabah seramai 22,900 orang telah mendaftar sebagai ahli Skuad Waja.**

YB Dato’ Hajah Siti Zailah menegaskan bahawa peranan Skuad Waja dalam komuniti terutamanya dalam tempoh pandemik sangat signifikan dan banyak membantu masyarakat khususnya di peringkat akar umbi. Program Skuad Waja akan menjadi salah satu tunjang kekuatan KPWK dalam menjayakan agenda pemeraksanaan Keluarga Malaysia.

Di Negeri Sabah, ahli Skuad Waja juga turut bergiat aktif dengan menyantuni komuniti dan mangsa yang memerlukan. Pelbagai program Psikososial seperti Program Psikososial Kembara Skuad Waja Kota Belud, Kembara Skuad Waja Daerah Sandakan dan Program Psikososial Kembara Skuad Waja Tuaran telah dilaksanakan bersama-sama Pejabat Pembangunan Wanita Wilayah Persekutuan merangkumi aspek keseimbangan, kewangan, kemahiran dan kepimpinan khususnya bagi wanita.

Sepanjang dua hari kembara Skuad Waja ini antara daerah yang menjadi persinggah ialah Keningau, Tambunan, Tenom dan Tulid. Program Psikososial : Tinta Motivasi dan menyantuni Anak Yatim, Program Kepimpinan Alaf Baru & De' Stress Clinic dan forum bual bicara adalah antara pengisian sepanjang kembara ini berlangsung. Turut menyertai kembara ini ialah YB Puan Flovia Ng Pembantu Menteri Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat Sabah, Dr Zurina Abdul Hamid Ketua Pengarah JPW dan YB Dr Aliakbar Gulasan ADUN Negeri Sabah.

KPWKM menyeru agar semua pihak memainkan peranan menggerakkan program Psikososial dan aktiviti-aktiviti bimbingan bagi meningkatkan kesedaran tentang isu-isu jenayah khususnya jenayah terhadap wanita. Selain itu penglibatan kaum lelaki sebagai ahli Skuad Waja juga dilihat penting dalam bersama menangani isu ini. Setiap ahli Skuad Waja yang mendaftar diberikan panduan melalui Modul Skuad Waja yang telah dibangunkan oleh JPW dengan kerjasama Institut Sosial Malaysia (ISM) untuk memberi bantuan dan bimbingan awal kepada mangsa. Orang ramai diseru tampil mendaftar sebagai ahli Skuad Waja dan maklumat lanjut, sila layari portal rasmi <https://www.jpw.gov.my/>.

###

Disediakan oleh : **Unit Komunikasi Korporat**
Jabatan Pembangunan Wanita
No. 55, Persiaran Perdana
Presint 4, PUTRAJAYA

No.Telefon : 016-3458092

Tarikh dikeluarkan : 13 Jun 2022 (Isnin)